

**Majlis Makan Malam Festival Bahasa Dan Sastera 2024
Ucapan Bagi Persatuan Bersekutu Lembaga Pengurusan
Sekolah Menengah Cina Swasta Sarawak**

Tarikh : 18hb Julai 2024 (Khamis)
Masa : 8.00 pm
Tempat : Harbour View Hotel, Kuching

Terima kasih pengacara majlis, saudara-saudari yang saya hormati sekalian,

Yang Berbahagia Temenggong Dato Vincent Lau Lee Ming
Pengerusi Persatuan Bersekutu Lembaga Pengurusan Sekolah Menengah Cina Swasta Sarawak,

Yang Berusaha Tuan Abang Haliman Haji bin Abang Julai
Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Cawangan Sarawak,

Cik Hong Woan Ying, Ketua Eksekutif Persatuan Bersekutu Lembaga Pengurusan Sekolah
Menengah Cina Swasta Sarawak dan Ahli Jawatankuasa Persatuan,

Ahli jawatankuasa Festival Bahasa Dan Sastera 2024,
Pegawai-pegawai DBP cawangan Sarawak,
Hakim-hakim,
Pengetua-pengetua, guru-guru, semua pelajar yang dikasihi dan para hadirin sekalian.

1. Selamat malam dan salam sejahtera. Pada malam yang penuh berkat ini, saya, Kon Shing Yong, Pengetua Sekolah Menengah Chung Hua No. 4, selaku wakil Persatuan Bersekutu Lembaga Pengurusan Sekolah Menengah Cina Swasta Sarawak ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berusaha Tuan Abang Haliman dan rakan-rakan sekerjanya atas penganjuran Festival Bahasa dan Sastera 2024 ini.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan festival ini. Tanpa sumbangan dan komitmen anda semua, festival ini tidak akan berjaya dilaksanakan dengan begitu sempurna.
3. Hadirin sekalian, majlis makan malam ini diadakan sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama sepanjang Festival Bahasa dan Sastera 2024 ini. Ia juga merupakan kesempatan bagi kita semua untuk meraikan pencapaian dan usaha keras yang telah ditunjukkan oleh semua peserta, guru-guru bimbingan dan pihak penganjur.
4. Festival Bahasa Dan Sastera 2024 ini telah mengadakan 2 pertandingan baharu iaitu pertandingan penglipur lara moden dan pertandingan bicara berirama yang diadakan kali pertama pada tahun ini. Saya percaya para peserta boleh mendapat pengetahuan yang baharu melalui pertandingan tersebut, pertimbangkan kedua-dua pertandingan tersebut

jarang diadakan di sekolah. Usaha pelajar-pelajar dan guru-guru pembimbing untuk penyediaan pertandingan amat dihormati dan dihargai.

5. Akhir kata, saya berasa amat gembira dan bersyukur kerana festival ini berjalan dengan lancar dengan kerjasama semua pihak. Saya juga berharap semua pelajar yang mengambil bahagian dalam festival ini boleh mendapat pengalaman yang lumayan dan berharga daripada program-program yang telah diadakan serta daripada pelajar-pelajar lain. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada pihak penganjur dan guru-guru pembimbing yang sentiasa memberikan dorongan dan sokongan untuk menjayakan Festival Bahasa dan Sastera 2024 ini.

Sekian, terima kasih.

